

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"MASYARAKAT masih perlu diberi pendidikan dan bimbingan, termasuk 'pendidikan pencegahan' bagi yang melanggar undang-undang dan hukum ugama, seperti terhadap perokok-perokok yang tidak menghiraukan amaran-amaran pihak berkuasa."

Titah Sempena Menyambut Awal Tahun Baharu Masihi 2015.



Hujung Minggu
Pelita BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان
MANISNYA IMAN

"DEMI sesungguhnya pada diri Rasulullah itu ada contoh yang baik bagi kamu, iaitu bagi orang yang mengharapkan (keredaan) Allah dan (kebahagiaan) hari akhirat serta banyak berzikir mengingat Allah." - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab, ayat 21.

Waktu Sembahyang

Table with prayer times: IMSAK 4.46, SUBUH 4.56, SYURUK 6.14, DUHA 6.37, ZUHUR 12.22, ASAR 3.29, MAGHRIB 6.27, ISYAK 7.37

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 64 / BILANGAN 104

31 OGOS 2019 / 1440 ذوالحجه 30

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN



Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn



PASTIKAN kelancaran Sambutan Awal Tahun 1441 Hijrah Muka 9



RAIKAN graduan UNISSA Muka 10



PEMENANG Anugerah Perniagaan LiveWIRE Brunei terima anugerah Muka 13



DOA Selamat bagi anggota PPDB sertai IMT Ke-16 Muka 18

Perlu peka dalam menyedia, menawarkan program



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morsidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Ogos. - Sebagai gedung penjana ilmu pengetahuan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) juga tidak terlepas dari berhadapan dengan cabaran dan tuntutan semasa termasuk kediaan untuk terlibat dalam mengharungi gelombang Revolusi Industri Keempat yang secara drastik telah merubah cara hidup manusia dan dunia dalam pekerjaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UNISSA bertitah demikian semasa Majlis Hafl Al-Takharuj Ke-9 UNISSA yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah, bagi menghadapi cabaran itu UNISSA perlu peka dalam menyedia dan menawarkan program-program pengajiannya, yang mana mustahak untuk dikenal pasti sebagai mampu memenuhi keperluan-keperluan semasa dan juga secocok dengan transformasi digital tanpa mengabaikan peranan utamanya untuk melahirkan ulama dan cendekiawan yang beribwaha.

Ke muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UNISSA bertitah pada Majlis Hafl Al-Takharuj Ke-9 UNISSA yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morsidi. (Lihat muka 3, 4, 5 dan 6).

AIPA perlu lebih konstruktif

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

BANGKOK, THAILAND, Khamis, 29 Ogos. - Perhimpunan Agung ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) Ke-40 diadakan pada 25 hingga 30 Ogos 2019 di Hotel Shang Ri-La, Bangkok, Thailand, dihadiri oleh 10 buah negara Parlimen ASEAN.

Mewakili negara ke Perhimpunan Agung yang bertemakan perhimpunan 'Advancing Parliamentary Partnership for Sustainable Community', Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang

Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib dan sembilan Ahli MMN.

Hadir sama, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet & Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar.

Negara Brunei Darussalam menyampaikan sebuah utusan Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Perhimpunan Agung Ke-40 yang menyatakan tentang tema Perhimpunan Agung Ke-40 AIPA tahun ini adalah bersesuaian dengan tema Sidang Kemuncak ASEAN tahun ini dan tepat pada masanya apabila negara-negara ASEAN berusaha untuk mencapai Wawasan ASEAN Komuniti 2025.

Ke muka 11

Perlu peka dalam menyediakan, menawarkan program



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah Canselor UNISSA bertitah pada Majlis Hafi Al-Takharrij Ke-9 UNISSA yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Berangkat sama di majlis itu ialah DTYM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM.

Dari muka 1

Dalam situasi ini titah baginda, UNISSA sebenarnya adalah tersendiri, yang mana ia berbeza dengan pusat-pusat pengajian tinggi yang lain dan semangat serta sasarannya juga berbeza.

Kerana itu pada hemat

baginda, bukanlah perkara yang mendesak untuk mesti mengejar *ranking* dunia yang sedia ada berdasarkan ia hanya ciptaan orang lain dan kriteria kecemerlangan juga ditetapkan oleh mereka sendiri.

Titah baginda, aras kecemerlangan sebenar tidak semestinya ditentukan oleh

sebuah komuniti atau negara sahaja, melainkan sepatutnya menjadi hak kepada banyak pihak untuk sama-sama menentukannya.

"Kecemerlangan memang wajar dicari. Kita tidak boleh berhenti dari mengusahakannya. Bagi UNISSA, buktikanlah ianya cemerlang. Wujudkan

kriteria kecemerlangan melalui kerja-kerja akademik oleh para pensyarah dan penuntut dengan melazimkan rajin menulis seperti buku atau kajian atau artikel-artikel ilmiah dan menghantar tulisan-tulisan tersebut ke jurnal-jurnal antarabangsa.

Kita sedia mempunyai banyak bahan, malah di UNISSA sendiri bahan-bahan itu sudah ada tinggal sahaja lagi kita mahu ataupun tidak untuk memanfaatkannya," titah baginda lagi.

Antara program-program pengajian UNISSA, titah baginda, ada Program Undang-Undang dan Perundangan Syariah, Program Usuluddin, Program Tahfiz dan Qiraat, Program Pengurusan Perniagaan, Program Sains dalam Kewangan Islam, Program Syariah (Fiqh dan Kehakiman), Program Sejarah dan Tamadun Islam, Program Bahasa Arab dan Penterjemahan, Program Sains Halal dan lain-lain.

Ini semua adalah bahan, yang mana titah baginda lagi, bukan saja jurusan untuk dipelajari, malah juga boleh ditulis dalam bentuk buku atau tulisan atau kajian atau artikel.

Jika ini mampu dibuat sehingga jadi budaya kepada UNISSA, maka baginda berpendapat, inilah antara ciri kriteria kecemerlangan yang lebih melayakkan UNISSA menepati *ranking*.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah, pada

masa ini tidak terdapat tanggapan walau satu pun tentang institusi pendidikan tinggi Islam tidak relevan memandangkan pendapat yang sahih telah meletakkan pendidikan tinggi Islam itu sebagai keperluan asas yang tidak boleh diabaikan kerana daripadanya muncul tamadun yang sempurna.

Kerana itu baginda berpendirian, pengajian dan pendidikan Islam mesti terus diperkasa kerana ia adalah teras segala kepentingan yang mampu untuk menghadirkan segala kebaikan untuk bangsa dan negara.

Kebawah DYMM juga mengambil maklum bahawa UNISSA telah menyediakan Pelan Strategik 2019 - 2023 dan baginda juga berharap pelan tersebut akan dapat memperingkatkan lagi kualiti pengajian yang ditawarkan, mampu menghasilkan penyelidikan bermutu serta memberikan perkhidmatan dan urus tadbir yang cemerlang.

Terdahulu itu, Kebawah DYMM menyatakan ucapan syabas dan tahniah kepada semua graduan yang telah berjaya menyempurnakan pengajian masing-masing, termasuk juga ibu bapa, penjaga serta para pensyarah yang sama-sama memberikan sumbangan signifikan kepada kejayaan yang dicapai oleh para graduan pada hari ini.

Berkenan menerima mengadap Setiausaha Agung Komanwel



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Baroness Scotland of Asthal, Setiausaha Agung Komanwel, The Right Honourable Patricia Scotland QC.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Baroness Scotland of Asthal, Setiausaha Agung Komanwel, The Right Honourable Patricia Scotland QC.

Turut hadir Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.